

TNB catat untung RM3.6 bilion

PETALING JAYA - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) merekodkan prestasi berdaya tahan dalam suasana mencabar bagi tahun kewangan 2020 dengan keuntungan selepas cukai (PAT) berjumlah RM3.6 bilion berbanding RM4.5 bilion pada 2019.

PAT yang lebih rendah itu kesan daripada Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 16 sebanyak RM613.4 juta, pendapatan pembiayaan rendah serta diskaun TNB sebanyak RM250 juta untuk pelanggan sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi Prihatin.

Pendapatan berkurangan 13.7 peratus tahun-ke-tahun (T-k-T) kepada RM44 bilion daripada RM50.9 bilion berikutan jualan elektrik yang lebih rendah dan pelarasan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT).

Jualan elektrik di peringkat Kumpulan turut merosot 5.1 peratus T-k-T kepada 117,003.6 gigawatt jam (GWh) daripada 123,252 GWh pada 2019, terutamanya berpunca daripada permintaan yang rendah di sektor industri dan komersial akibat kelembapan ekonomi.



AMIR HAMZAH AZIZAN

Margin pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) bagaimanapun kekal pada 40.9 peratus berikutan penurunan 20.6 peratus perbelanjaan operasi disebabkan pengurangan operasi berikutan kekangan pergerakan ketika pandemik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, dari segi kutipan, pihaknya menyaksikan peningkatan pada suku terakhir 2020 dengan kadar kecekapan

luaran semalam.

Dalam pada itu, Lembaga Pengarah TNB meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 18 sen sesaham, meningkatkan jumlah dividen satu peringkat kepada 40 sen sesaham bagi tahun kewangan 2020.

Ini menjadikan nisbah pulangan dividen sebanyak 58.5 peratus daripada pelarasan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti kumpulan, iaitu pada paras atas polisi dividennya iaitu antara 30 peratus hingga 60 peratus.

Lembaga Pengarah turut meluluskan dividen khas sebanyak 40 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen sesaham sebanyak 80 sen, dengan nilai keseluruhan RM4.6 bilion untuk 2020.

"Keputusan memberi dividen khas 40 sen sesaham mencerminkan komitmen TNB untuk memberi ganjaran kepada pemegang saham setia yang terus dipercayai keupayaan pihak pengurusan untuk mendapatkan pulangan yang baik terhadap pelaburan mereka," tambah Amir.



TNB meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 18 sen sesaham.

kutipan pada 97 peratus pada Disember berbanding 87 peratus pada April 2020.

"Ia petanda baik proses pemuliharaan berlaku secara berperingkat apabila aktiviti

ekonomi bermula dan untuk 2021, kami menjangkakan kesan sekatan pergerakan terhadap permintaan elektrik tidak begitu teruk seperti tahun lalu," katanya dalam siaran akhbar yang dike-